
 <p>KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA</p>	<p>GARIS PANDUAN PENILAIAN ANUGERAH MAJIKAN CEMERLANG PENGURUSAN PERJALANAN SELAMAT 2019</p>	
<p>PENGENALAN</p>	<p>Anugerah Majikan Cemerlang Pengurusan Perjalanan Selamat adalah pertama kali diperkenalkan pada tahun ini iaitu pada tahun 2018 oleh Majlis Negara Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MNKPP) bagi mengiktiraf majikan yang cemerlang dari segi pengurusan perjalanan pergi dan balik kerja. Anugerah ini adalah salah satu inisiatif bagi membendung peningkatan kadar kemalangan pergi dan balik kerja yang kian meningkat dikalangan pekerja di Malaysia.</p> <p>Objektif utama anugerah ini adalah:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Mengenalpasti dan mengiktiraf majikan yang menunjukkan prestasi cemerlang dari segi pengurusan perjalanan selamat dalam tahun yang dinilai. 2. Menggalakkan pembudayaan dalam pengurusan keselamatan perjalanan pekerja dalam kalangan majikan di seluruh Malaysia. 3. Mengurangkan kemalangan perjalanan pergi dan balik kerja dikalangan pekerja di seluruh Malaysia. 4. Membantu mengurangkan kos secara langsung dan tidak langsung kepada majikan akibat daripada kemalangan perjalanan pergi dan balik kerja. 5. Meningkatkan reputasi dan imej majikan dalam pengurusan perjalanan selamat. 	
<p>PENYERTAAN</p>	<p>Penyertaan secara sukarela kepada majikan daripada semua sektor di Malaysia.</p>	
<p>KAEDAH PENILAIAN</p>	<p>Hebahan penyertaan dibuat kepada semua majikan oleh Urusetia melalui paparan di laman web rasmi Majlis Negara Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan agensi-agensi yang berkaitan. Semua majikan yang berminat perlu mengemukakan borang penyertaan kepada pihak Urusetia pada atau sebelum tarikh yang telah ditetapkan. Semua penyertaan yang lengkap diterima oleh pihak Urusetia akan diproses melalui dua peringkat; i) Peringkat Saringan dan ii) Peringkat Penilaian.</p> <p>1) Peringkat Saringan</p> <p>Peringkat Saringan adalah peringkat dimana semua majikan yang menyertai disaring melalui beberapa kriteria yang telah ditetapkan dan ianya dilakukan secara semakan dokumen dan temubual melalui telefon. Berdasarkan peringkat saringan ini, markah setiap majikan akan dikira dan satu senarai pendek majikan akan dikeluarkan berdasarkan markah pencapaian yang ditetapkan untuk menentukan majikan mana yang layak menjalani proses seterusnya iaitu Peringkat Penilaian.</p>	

	<p>2) Peringkat Penilaian</p> <p>Peringkat Penilaian dibuat kepada semua majikan yang mencapai markah yang ditetapkan dan berada dalam senarai pendek. Peringkat Penilaian dibuat melalui kaedah audit yang diadakan di premis majikan dan skop tempat kerja yang ditentukan oleh majikan. Para juruaudit yang dilantik akan memeriksa dokumen, menemubual pegawai majikan yang bertanggungjawab dan ahli pengurusan tertinggi serta wakil pekerja. Seterusnya, skor akhir setiap majikan akan dikira. Para juruaudit seterusnya akan mengesyorkan nama majikan mengikut skor tertinggi kepada pihak Jawatankuasa Anugerah.</p> <p>Jawatankuasa Anugerah akan membuat penelitian terhadap syor yang dikemukakan oleh para juruaudit dan seterusnya memperakukan keputusan penilaian dan nama majikan yang layak menerima anugerah tersebut. Hanya satu majikan yang layak mendapat penganugerahan tersebut.</p>	
<p>CARTA ALIR PENGANUGERAHAN</p>	<p>Proses</p>	<p>Tindakan</p>
	<pre> graph TD A[Hebahan kepada majikan] --> B[Permohonan oleh majikan] B --> C[Peringkat Saringan] C --> D[Peringkat Penilaian] D --> E[Pengesahan Keputusan] E --> F[Penganugerahan] </pre>	<p>Urusetia</p> <p>Majikan</p> <p>Urusetia</p> <p>Juruaudit</p> <p>Jawatankuasa Anugerah</p> <p>MNKKP</p>
<p>KRITERIA PENILAIAN</p>	<p>Penilaian dibuat berdasarkan kepada kriteria yang berasaskan kepada SIRIM STANDARD SIRIM: 2014- Good Practices In Implementing Commuting Safety Management dan skema pemarkahan yang telah ditetapkan seperti berikut:</p> <p>1. Peringkat Saringan</p> <p>Terdiri daripada 13 item yang meliputi aspek pensijilan, polisi, rekod kemalangan dan inisiatif syarikat terhadap pengurusan keselamatan perjalanan.</p>	

	<p>2. Peringkat Penilaian</p> <p>Terdiri daripada lima elemen utama yang merangkumi 44 item. Perincian elemen dan item adalah seperti berikut.</p> <table border="1" data-bbox="572 344 1342 723"> <thead> <tr> <th>Bil.</th> <th>Elemen</th> <th>Bilangan Item</th> <th>Skor Maksimum</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>Polisi</td> <td>5</td> <td>5</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>Tanggungjawab Majikan</td> <td>25</td> <td>25</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>Tanggungjawab Pekerja</td> <td>5</td> <td>5</td> </tr> <tr> <td>4</td> <td>Komitmen Pengurusan Tertinggi</td> <td>3</td> <td>3</td> </tr> <tr> <td>5</td> <td>Infrastruktur Keselamatan Jalan Raya</td> <td>6</td> <td>6</td> </tr> <tr> <td colspan="2">JUMLAH ITEM/SKOR</td> <td>44</td> <td>44</td> </tr> </tbody> </table>	Bil.	Elemen	Bilangan Item	Skor Maksimum	1	Polisi	5	5	2	Tanggungjawab Majikan	25	25	3	Tanggungjawab Pekerja	5	5	4	Komitmen Pengurusan Tertinggi	3	3	5	Infrastruktur Keselamatan Jalan Raya	6	6	JUMLAH ITEM/SKOR		44	44
Bil.	Elemen	Bilangan Item	Skor Maksimum																										
1	Polisi	5	5																										
2	Tanggungjawab Majikan	25	25																										
3	Tanggungjawab Pekerja	5	5																										
4	Komitmen Pengurusan Tertinggi	3	3																										
5	Infrastruktur Keselamatan Jalan Raya	6	6																										
JUMLAH ITEM/SKOR		44	44																										
<p>PEMILIHAN PENERIMA ANUGERAH</p>	<p>Majikan yang mendapat markah yang tertinggi dalam peringkat penilaian akan disyorkan sebagai penerima Anugerah Majikan Cemerlang Pengurusan Perjalanan Selamat.</p>																												